

Submission date: 29 Jan 2022

Acceptance date: 23 May. 2022

Publication date: 01 Jun 2022

ANALISIS FAKTOR-FAKTOR GEJALA RASUAH DAN CABARAN MENANGANINYA DI MALAYSIA

ANALYSIS OF CORRUPTION FACTORS AND THE CHALLENGES OF DEALING WITH IT IN

ⁱ*Azman Ab Rahman, ⁱNur Wahida Lokman, ⁱLutfi Mohamed Zain, ⁱSyed Mohd Najib Syed Omar, ⁱSetiyawan Gunardi

ⁱ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

^{*}(Corresponding Author) email: azman@usim.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjsr.vol10no1.387>

ABSTRACT

Corruption among public and private workers has become a hot debate issue in foreign countries as well as Malaysia. According to a report by the Malaysian Anti-Corruption Commission (SPRM), the statistics on the number of arrests from 2014 to 2021 has increased sharply to 205 percent, which is equivalent to 552 cases to 1125 cases. Malaysia has recorded a loss of almost RM 1.8 Trillion due to corrupt practices. Various measures and initiatives to prevent corruption in Malaysia have been taken by the government but reports on corruption continue to rise and show no reduction. The main thing to emphasize before creating the best method of prevention is to identify what is the cause of the problem. Thus, this article aims to analyze the factors that contribute to corrupt activities and the challenges faced by Malaysia in dealing with them. This qualitative study uses documentation and observation methods in the data collection process. Results of the study found that internal factors that cause a person to commit corruption are the existence of opportunities, personal weaknesses and lack of integrity. While external factors are due to low wages, financial stress and work pressure as well as ineffective national policies. The use of technology by perpetrators to prevent corrupt activities from being detected, interference and lack of cooperation from politicians as well as lack of public support and confidence are challenges faced by the government and anti-corruption agencies in tackling corruption in Malaysia. It is hoped that this study can be used as a reference and guide the authorities in curbing corruption while ensuring the community and individuals in the office are free from the symptoms of corruption.

Keyword (s): factor, corruption, challenges, preventing

ABSTRAK

Rasuaht dalam kalangan penjawat awam mahupun swasta sering menjadi topik perdebatan di negara-negara luar begitu juga Malaysia. Menurut laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuaht Malaysia (SPRM), statistik jumlah tangkapan dari tahun 2014 hingga 2021 telah berlaku kenaikan mendadak sehingga 205 peratus iaitu bersamaan dengan 552 kes kepada 1125 kes. Bahkan Malaysia telah mencatatkan kehilangan hampir RM 1.8 trilion disebabkan kegiatan ini. Pelbagai langkah dan inisiatif telah diambil oleh kerajaan dalam menangani kegiatan rasuaht namun laporan terhadap aktiviti ini tetap meningkat tidak menunjukkan sebarang tanda penurunan. Perkara utama yang perlu dititikberatkan sebelum menghasilkan kaedah yang terbaik adalah dengan mengenal pasti punca sesuatu perbuatan itu berlaku. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada aktiviti rasuaht dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menanganinya. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian dalam proses pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuaht adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti. Manakala faktor luaran adalah disebabkan oleh gaji yang rendah, tekanan kewangan dan tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif. Penggunaan teknologi oleh pelaku bagi mengelakkan kegiatan rasuaht dikesan, campur tangan dan kurang kerjasama daripada ahli politik serta kurang sokongan dan keyakinan orang awam pula merupakan cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dan agensi pencegahan rasuaht dalam menanganinya rasuaht di Malaysia. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berwajib bagi membendung jenayah rasuaht untuk menjamin masyarakat dan individu berjawatan bebas daripada gejala rasuaht.

Kata Kunci: faktor, rasuaht, cabaran, menangani

Pendahuluan

Secara etimologi, perkataan rasuaht berasal daripada perkataan arab iaitu ‘*risyawah*’ di mana kata dasarnya adalah ‘*rasya*’ yang memberi makna ‘tali yang diikat pada timba dan digunakan untuk mengambil air dari perigi’ (Shofian, 2008). Menurut Kamus Dewan edisi keempat ia diertikan sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menuap, sogok, suap). Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuaht Malaysia (SPRM) 2009 pula mendefinisikan rasuaht dengan penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan ini terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskau (Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuaht Malaysia, 2009). Secara umumnya rasuaht bukan sahaja jenayah menurut undang-undang malah merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam Islam dan hukum melakukannya adalah berdosa besar. Imam Syafie menegaskan dalam kitabnya bahawa haram bagi seorang hakim menerima rasuaht (Al-Amrani, t.t.).

Rasuaht merupakan kesalahan yang telah lama berlaku dalam sejarah tamadun manusia. Menurut ahli sejarah amalan rasuaht ini telah berlaku serentak dengan kewujudan sistem pemerintahan dan politik (Mahmood, 1990). Terdapat beberapa kes rasuaht dalam kalangan pemerintah negara seperti kes presiden Filipina Ferdinand Marcos, Shah Reza dari Iran, Ceausescu dari Romania dan Presiden Richard Nixon dari Amerika Syarikat yang masing-masing telah dihukum akibat penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran. Begitu juga di Malaysia kes seperti skandal 1MDB dan SRC Internasional serta Skandal Air Sabah merupakan sebahagian daripada kes-kes rasuaht yang berprofil tinggi. (Institut Pengajian Tinggi, 2020). Menurut laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuaht Malaysia (SPRM), telah berlaku peningkatan dalam statistik jumlah tangkapan sehingga 205 peratus iaitu bersamaan dengan 552 kes kepada 1125 kes dari tahun 2014 hingga 2021. Bahkan Malaysia telah mencatatkan kehilangan hampir RM 1.8 trilion disebabkan kegiatan rasuaht. Pelbagai langkah telah diambil oleh SPMR bagi mencegah kegiatan rasuaht seperti mengesan risiko rasuaht dalam amalan, sistem dan prosedur, memberi khidmat nasihat, mendidik orang ramai agar menentang rasuaht serta memelihara sokongan mereka dalam memerangi rasuaht. Mereka turut menyediakan modul dan mengadakan bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuaht, membangunkan pelan antirasuaht organisasi (OACP), ikrar integriti korporat (CIP) dan pengurusan integriti agensi. Akan tetapi jumlah tangkapan tetap juga meningkat tanpa menunjukkan sebarang penurunan.

Masalah ini bukanlah satu perkara yang boleh dipandang remeh kerana kesan amalannya adalah besar khususnya kepada pembangunan negara dan juga masalah sosial pekerja. Antara kesannya adalah seperti boleh melumpuhkan fungsi satu organisasi, pemerintahan menjadi lemah dan pentadbiran negara menjadi kucar kacir yang akhirnya menyebabkan kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan masyarakat dan sebagainya (Raaj Sah, 2007). Selain itu, masalah rasuah juga boleh mengakibatkan pelabur-pelabur luar tidak berminat untuk melabur di negara yang terlibat dengan masalah tersebut terutamanya negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Akibatnya peluang pelaburan akan terlepas ke negara lain dan secara tidak langsung membantutkan perkembangan ekonomi negara dan merosakkan imej negara pada mata dunia (Nur Syakiran, t.t).

Sesungguhnya amalan rasuah memberi kesan besar kepada negara. Lantaran itu ia perlu diatasi dengan apa cara sekalipun. Perkara yang sebenarnya perlu dititikberatkan dalam menangani masalah ini adalah dengan mengenal pasti apakah punca berlakunya rasuah serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara dalam membanterasnya dari terus menular ke dalam masyarakat. Apabila perkara-perkara ini dikenal pasti, semestinya dapat membantu kerajaan atau institusi bertanggungjawab seperti SPRM dalam menambah baik kaedah pencegahan yang sedia ada seterusnya menjadikan negara bebas rasuah.

Faktor-Faktor Berlakunya Gejala Rasuah

Wujud Peluang

Menurut Profesor John Hogarth seorang pensyarah di Fakulti Undang-Undang, University of Canada, rasuah berpunca daripada sifat tamak dan kerana wujudnya peluang (Mohammed Tarmize, 2014). Setiap manusia memerlukan keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian akan tetapi kerana sifat tamak, mereka mahukan lebih daripada itu walaupun bukan di bawah kemampuan mereka. Oleh kerana sifat tamak inilah ia telah membuka ruang peluang kepada mereka untuk memberi dan menerima rasuah. Untuk melakukan rasuah, keadaan yang sesuai adalah amat perlu. Sekiranya pihak pertama menuntut sesuatu yang dianggap penting daripada pihak kedua dan dia mengetahuinya, maka ia telah membuka peluang kepada pihak kedua tersebut untuk menerima satu ganjaran demi memastikan pihak pertama memperoleh apa yang diingininya. Berdasarkan teori segitiga *fraud* yang dibangunkan oleh Donald R. Cressey seorang pakar kriminologi Amerika Syarikat, peluang itu wujud disebabkan oleh kelemahan kawalan dalaman, tiada pemantauan, tiada pengasingan tugas dan penggunaan kuasa budi bicara (Institut Pengajian Tinggi, 2020). Contohnya, prosedur yang mempunyai sistem tapisan yang banyak sebelum diluluskan menyebabkan seseorang yang tidak sabar menunggu menggunakan rasuah sebagai jalan pintas dalam mendapatkan kelulusan sesuatu projek dengan cepat. Perkara seperti ini kebiasaan berlaku di pejabat tanah bagi mempercepatkan urusan, bahkan menjadi amalan dikalangan mereka untuk mengelak prosedur biasa yang memakan masa berbulan-bulan malah bertahun-tahun sebelum diluluskan. Peluang ini akan lebih terlihat luas terbuka sekiranya kedua-dua pihak saling bekerjasama untuk memenuhi keinginan masing-masing dengan membiasakan kegiatan rasuah sebagai jalan pintas dalam mencapai satu tujuan.

Kelemahan Peribadi

Selain wujudnya peluang, kelemahan peribadi seperti kurangnya didikan agama dan iman serta takwa dalam diri juga merupakan faktor utama yang menyebabkan seseorang itu menjebakkannya diri mereka ke kancalah rasuah. Sikap tidak ambil peduli walaupun mengetahui bahawa rasuah itu dilarang oleh agama dan undang-undang menyebabkan mereka mencipta pelbagai alasan untuk membenarkan tindakan tersebut. Mereka mudah mengabaikan kesan-kesan buruk yang akan menimpa masyarakat dan juga negara asalkan apa yang diinginkan tercapai. Mohd Adnan (2013) menyatakan bahawa hal ini termasuk dalam teori “*Technique of Neutralization*” oleh Grisham Sykes dan David Matza iaitu “lakukan rasuah secara rahsia asalkan tiada siapa yang tahu”. Daud (2019) dalam kajiannya mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi seseorang itu melakukan rasuah adalah kerana sikap mengabaikan nilai murni dan tuntutan agama. Perkara ini berlaku kerana individu itu sendiri yang kurang menghayati dan memahami konsep pahala dan dosa serta konsep kerja sebagai satu ibadah. Sesetengah individu bersikap tamak dan ingin cepat kaya biasanya akan mengambil langkah menggunakan rasuah sebagai

jalan mudah dengan menerima suapan rasuah kerana mereka sudah kehilangan sifat jujur, amanah dan juga kawalan terhadap diri sendiri. Tanpa penghayatan dan kefahaman mereka terhadap konsep ini menyebabkan mereka melakukan sesuatu perkara mengikut kehendak dan kepuasan hati tanpa memikirkan masyarakat yang terkesan dengan perbuatan tersebut serta balasan yang akan diterima di akhirat kelak. Mereka yang lemah keperibadiannya dan lemah pegangan agamanya akan mudah untuk melakukan rasuah kerana dikawal oleh hawa nafsu dan mudah terpengaruh dengan ganjaran yang ditawarkan demi kepentingan peribadi.

Tidak Berintegriti

Mengikut kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) 1985, integriti bermaksud kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan atau keutuhan. Manakala definisi yang diberikan dalam Pelan Integriti Nasional 2006 bermaksud kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan berteraskan prinsip teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral (Husin, 2021). Seorang pekerja yang berintegriti rendah akan mudah untuk melakukan jenayah rasuah walaupun memiliki kelulusan yang tinggi, cekap dan mahir dalam melakukan kerja. Apatah lagi apabila wujud peluang, mereka akan merebut dengan menerima suapan rasuah daripada syarikat atau kontraktor dengan meluluskan kontrak dan tender tanpa mengikut prosedur biasa yang telah digariskan oleh organisasi. Abraham Lincoln pernah berkata “hampir semua orang mampu berhadapan dengan kesusahan. Namun sekiranya ingin melihat karakter sebenar seseorang itu, beri dia kuasa kerana kuasa mampu menyebabkan seseorang lupa diri dan lupa akan amanah yang sepatutnya dipikul”. Mereka yang tidak berintegriti memiliki kekuatan fizikal dan akal yang lemah kerana mudah tertipu dan mudah dipengaruhi oleh pegawai-pegawai yang ingin mengambil kesempatan atas kelemahan mereka. Sikap tidak amanah pada kerja, tidak adil, tidak bertanggungjawab dan tidak ambil peduli tentang akibat buruk dari perbuatan rasuah adalah sikap mereka yang tidak berintegriti. Tanpa integriti, maka hilanglah urus tadbir yang baik seterusnya menyebabkan jenayah rasuah terus berleluasa serta tiada kawalan dalam organisasi tersebut. Perbuatan tidak berintegriti ini bukan sahaja akan merosakkan imej individu bahkan akan mencemarkan imej negara. Imej Malaysia tercemar dengan isu yang berpunca daripada ketamakan individu melibatkan beberapa kes rasuah berprofil tinggi seperti 1MDB, FELDA, MARA, SRC Internasional, Jabatan Air Sabah dan Tabung Haji (Jabatan Perdana Menteri, 2019).

Gaji Yang Rendah

Berdasarkan kajian Quah (1995) gaji merupakan faktor utama yang menyumbang kepada aktiviti rasuah. Gaji yang rendah menyebabkan pekerja-pekerja di sektor awam menjerumuskan diri mereka ke lubang rasuah. Berdasarkan penemuan Pelan Antirasuah Nasional (2019-2023) dalam tempoh 5 tahun yang lalu (2012-2018), sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Tahap risiko mereka adalah 63.30% berbanding di sektor swasta iaitu 17.06% (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Perkara ini terjadi kerana mereka sering membanding-bandingkan gaji mereka dengan gaji pekerja yang di sektor swasta kerana melihat bahawa gaji yang diberi oleh kerajaan kepada mereka adalah rendah dan tidak setimpal dengan hasil kerja, berbeza dengan dapatan mereka yang bekerja di sektor swasta. Masalah gaji yang rendah ini juga menjadi punca berlakunya rasuah di negara-negara lain yang majoriti pekerja mereka berada di sektor awam begitu juga Malaysia. Kajian Quah juga mendapati bahawa masalah rasuah yang berlaku di Indonesia bermula di zaman Belanda juga adalah disebabkan oleh gaji yang rendah begitu juga di negara China. Lain pula pendapat yang diutarakan oleh Nur Syakiran (t.t) dalam kajiannya, beliau mengatakan bahawa gaji rendah bukanlah faktor utama berlakunya rasuah. Ini kerana masalah rasuah juga berlaku dikalangan personel awam dalam kategori kolar biru, ahli korporat, ahli politik dan sebagainya yang sememangnya diketahui bahawa gaji mereka adalah lumayan. Jika dikatakan gaji rendah merupakan faktor utama berlakunya rasuah, mengapa rasuah kebanyakannya tidak melibatkan pekerja berjawatan rendah akan tetapi melibatkan mereka yang

berjawatan tinggi. Beliau menyimpulkan bahawa jenis profesion juga mempengaruhi seseorang itu memberi atau menerima rasuah.

Tekanan Kewangan dan Tekanan Kerja

Faktor lain yang menyebabkan mudahnya seseorang menerima rasuah adalah apabila mereka mengalami tekanan kewangan dan tekanan kerja yang berlebihan. Kebanyakan mereka mempunyai salah satu dari masalah-masalah seperti hutang, tunggakan bil, inginkan gaya hidup mewah, terlibat dengan dadah, alkohol dan sebagainya. Kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat juga menyumbang tekanan kepada pekerja-pekerja sedangkan gaji yang diberi tidaklah seiring dengan kenaikan kos sara hidup terutamanya mereka yang mempunyai isteri dan anak yang ramai (Sofea, 2021). Selain itu, tekanan juga boleh berlaku sekiranya seseorang itu merasakan bahawa gaji yang diterima mereka tidak setimpal dengan tugas yang mereka lakukan sedangkan kesejahteraan kewangan itu merangkumi elemen kecukupan dan keselamatan kewangan seseorang individu atau keluarga. Kesejahteraan ini demi melindungi risiko ekonomi seperti pengangguran, penyakit kronik, muflis, kemiskinan dan masalah kewangan selepas bersara. Pensyarah Universiti Xiamen Malaysia, Dr Anas Afandi Ahmad berpandangan bahawa terdapat sesetengah pekerja yang terpaksa mengambil rasuah adalah kerana tekanan dalam industri tertentu (Mukhriz, 2022). Tekanan ini kebiasaannya berlaku dalam sesebuah syarikat yang menetapkan sasaran pencapaian terlalu tinggi atau tidak realistik di mana perlu dicapai walau dengan apa cara sekalipun. Akibatnya, rasuah dijadikan jalan untuk mendapatkan tender atau projek agar prestasi tahunan dapat dicapai seperti yang diinginkan oleh industri. Menurut Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), terdapat juga penjawat awam yang mengalami tekanan halangan kenaikan pangkat, pertukaran dan gangguan dalam jadual pekerjaan menyebabkan mereka tidak mempunyai keberanian untuk melaporkan aktiviti rasuah di dalam syarikat mereka yang melibatkan pihak atasan. Hal ini menjadi punca laporan kes rasuah dalam kalangan penjawat awam rendah dan sukar dikesan (Wartawan, 2020).

Dasar Negara

Dasar negara juga dikesan menjadi faktor yang menyebabkan aktiviti rasuah semakin berleluasa (Nur Syakiran, t.t). Sesetengah negara mempunyai undang-undang yang mengawal jenayah rasuah namun kurang menitikberatkan keberkesanannya pelaksanaannya termasuklah Malaysia. Hal ini kerana, hukuman yang dikenakan kepada pesalah rasuah adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan akhirnya menyebabkan jenayah tersebut hampir menjadi amalan dalam masyarakat. Masalah ini tidak akan menampakkan jalan hujungnya jika undang-undang yang dilaksanakan tidak sesuai dengan keadaan masyarakat. Presiden Dewan Perhimpunan Melayu Perak (DPMP), Datuk Zahar Hashim (2020) berkata dasar kerajaan yang memberi bantuan secara membuta tuli antara punca rasuah menular dalam kalangan masyarakat khususnya orang Melayu. Kebanyakan ahli politik memberi habuan dalam bentuk bantuan sebelum pilihan raya semata-mata untuk mendapatkan sokongan rakyat. Perbuatan ini adalah disebabkan sikap sebilangan mereka yang mahukan sesuatu tanpa berusaha, mahu cepat kaya dan dihormati kerana harta. Kegagalan kerajaan membendung aktiviti rasuah ini adalah disebabkan akta rasuah itu sendiri yang tidak diperkasakan apabila kebanyakannya tindakan yang dikenakan adalah kepada mereka yang menerima rasuah manakala yang memberi terlepas dan bebas tanpa apa-apa tindakan (Saifullah, 2021). Datuk Zahar mengutarakan pendapatnya lagi bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepatutnya menjadi badan bebas yang tidak dikawal oleh ahli politik dan diletakkan terus di bawah Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana, kebiasaannya pemberi rasuah itu datang dari kalangan ahli politik yang mempunyai kenalan dalam badan-badan politik atau SPM yang boleh membantu mereka melepaskan diri dari apa-apa hukuman dan tindakan.

Cabaran Menangani Rasuah Di Malaysia

Gejala rasuah bukanlah sesuatu yang baru dalam sistem pentadbiran dan pekerjaan harian di Malaysia. Isu rasuah telah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang kerja, tanpa mengira status dan kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Melaksanakan kaedah pencegahan rasuah tidaklah begitu mudah kerana masih terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak kerajaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung aktiviti ini daripada terus berleluasa. Antara cabaran yang dihadapi di alaf baru ini adalah seperti:

Penggunaan teknologi yang canggih bagi mengelakkan kegiatan rasuah dari dikesan

Perkembangan teknologi tidak dinafikan banyak memudahkan urusan manusia dalam kehidupan seharian mereka seperti dapat berkomunikasi dengan manusia dari seluruh pelosok dunia, dapat meningkatkan pengeluaran bagi peniaga-peniaga, dapat menjimatkan masa seorang ibu dan isteri dalam melakukan kerja rumah, membantu menyelamatkan ramai manusia dengan bantuan teknologi perubatan dan sebagainya. Namun ia juga tidak lari dari masalah-masalah jenayah siber seperti kecurian maklumat, penipuan, penyebaran virus, penggodam, pengubahsuaian ke atas program dan sebagainya. Kehadiran teknologi yang semakin hari semakin canggih ini juga telah menjadi salah satu cabaran bagi agensi yang memerangi rasuah dalam melakukan kerja-kerja mereka mencegah rasuah. Kemajuan teknologi ini juga telah menyebabkan penyalahgunaan yang mengundang cara baharu dalam memberi rasuah. Akibat kecanggihan teknologi ini, amalan rasuah menjadi semakin kompleks dan rumit menyebabkan kerajaan mengambil kira pelbagai langkah untuk menanganinya yang mungkin berlaku sama ada secara dalam talian atau luar talian (Rohaniza, 2019). Menurut Datuk Shamshun Baharin, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), jenayah rasuah menjadi kompleks kerana ia merentasi sempadan dan berkait pula dengan jenayah bersindiket, jenayah ekonomi, kewangan, keganasan, penggubahan wang haram dan penyeludupan manusia. Timbalan Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia, Datuk Dr Mazlan Ahmad berkata ianya berbeza dengan jenayah rasuah yang berlaku 10 tahun lalu kerana situasi hari ini memerlukan kerajaan dan pihak berkuasa memikirkan satu teknologi baru untuk dibangunkan yang mampu menyaingi kelicikan pihak tidak bertanggungjawab dalam mengelakkan kegiatan rasuah mereka dikesan (Madiha, 2020).

Campur tangan dan kurang kerjasama daripada ahli politik

Campur tangan ahli politik dalam pentadbiran dan kewangan kerajaan dikenal pasti merupakan salah satu daripada cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam membanteras rasuah. Berdasarkan penemuan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, kebanyakan ahli politik mendapat keuntungan peribadi dengan mencampuri urusan pentadbiran walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan negara. Campur tangan ini kebiasaannya dilihat berlaku dalam proses mengeluarkan keputusan terutamanya dalam perbincangan yang melibatkan perolehan, proses perlantikan kerja dan sistem perundangan (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Menurut penemuan NACP, antara contoh campur tangan ahli politik adalah dalam kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan FELDA. Ia telah menjadi antara penghalang terbesar kepada SPMR dan Jabatan Peguam Negara dalam melaksanakan fungsi mereka. Menurut laporan SPMR pula, dari tahun 2012-2014, sejumlah besar kes yang direkodkan adalah melibatkan sektor pembinaan yang melibatkan perolehan rundingan dengan orang tengah. Perbuatan rasuah juga sukar dibendung apabila adanya campur tangan politik dalam kes rasuah di mahkamah. Campur tangan ini mengakibatkan keadilan yang sepatutnya dicapai terbantut dan kes yang perlu dibendung dengan sebaiknya terhalang. Selain itu, pencegahan rasuah juga sukar dilaksanakan adalah disebabkan oleh kurangnya kemauan dan kerjasama daripada ahli politik untuk melaksanakan kawalan antirasuah. Perkara ini telah menyebabkan kurangnya keberkesanan dan keutuhan inisiatif antirasuah yang dijalankan setakat ini. Terdapat beberapa inisiatif pembanterasan rasuah oleh kerajaan yang masih tertangguh setakat ini seperti ketulusan dalam pengisyiharan aset dan dasar pengurusan hadiah oleh ahli pentadbiran, pengenalan Peruntukan Salah Laku Penjawat Awam,

penubuhan agensi bebas dalam menguruskan aset yang dirampas dan dilucutkan, garis panduan yang betul mengenai pelobi dan penandaan kuasa antara Menteri dan Ketua Setiausaha (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Hal ini kerana, ahli politik yang sepatutnya turut sama bekerjasama memperkasakan inisiatif ini cepat lepas tangan dan kurang bersemangat untuk melaksanakannya. Akibatnya ia membawa kepada peningkatan ketidaksamaan pendapatan, kekayaan dan peluang sekaligus mewujudkan persepsi buruk terhadap ahli politik dan produktiviti negara.

Kurang Sokongan dan Keyakinan Orang Awam

Kepercayaan terhadap kerajaan merujuk kepada sokongan rakyat terhadap pemimpin, dasar, jentera kerajaan dan pelaksanaan dasar serta projek oleh kerajaan yang memerintah. Kepercayaan dan sokongan rakyat adalah amat penting dalam mencapai kelancaran dalam pentadbiran negara begitu juga dalam menangani rasuah. Secara umumnya, jenayah rasuah di Malaysia terus menunjukkan peningkatan tangkapan dan perkara ini dikhuatiri menjadi budaya dan sebahagian daripada sistem organisasi dan kehidupan masyarakat (Zulkifli Hasan, 2021). Usaha dalam membanteras rasuah didapati kurang memberangsangkan kerana kurangnya sokongan daripada masyarakat akibat daripada lunturnya kepercayaan mereka terhadap agensi-agensi yang membanteras rasuah. Lebih-lebih lagi apabila kes-kes rasuah yang berprofil tinggi sering kali gagal disabitkan kesalahan di mahkamah. Mereka yang dituduh dengan tuduhan rasuah masih juga mendapat tempat di hati penyokong malah dapat memenangi kerusi di pilihan raya dan mengekalkan kedudukan masing-masing serta dikenali ramai (Zulkifli Hasan, 2021). Ini juga mengakibatkan keyakinan orang awam terhadap laporan yang dihantar ke SPRM terhakis. Akhirnya mereka kurang melaporkan kes-kes rasuah disekeliling mereka dan gejala ini tidak dapat ditangani serta dicegah dengan laluan yang sepatutnya. Segala kaedah pencegahan yang dicadangkan akan dapat dilaksanakan oleh kerajaan sekiranya mendapat sokongan dan dipatuhi oleh rakyat. Sebaliknya jika rakyat hilang kepercayaan terhadap agensi yang memerintah maka segala kaedah pencegahan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana segalanya akan dipersoal oleh rakyat (Ali Embi, 2007).

Rumusan

Rasuah merupakan satu penyakit kerana ia memberi impak besar terhadap kemusnahan institusi masyarakat. Gejala seperti ni perlu dibendung dengan cara yang berkesan sebelum ia menjadi budaya dalam kalangan masyarakat di Malaysia baik pemerintah, pekerja maupun masyarakat awam. Menghasilkan satu kaedah pencegahan tidak begitu mudah, begitu juga dalam melaksanakannya. Setiap kaedah pencegahan ada tahap keberkesanannya dan bagi kaedah yang kurang berkesan ia memerlukan penambahbaikan. Faktor dalaman yang menyebabkan seseorang melakukan rasuah adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti. Manakala faktor luaran disebabkan oleh gaji yang rendah, tekanan kewangan dan tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif. Pihak SPRM juga menghadapi beberapa cabaran dalam menangani rasuah di Malaysia seperti penggunaan teknologi yang lebih canggih oleh mereka yang cuba menyembunyikan aktiviti rasuah, campur tangan dan kurangnya kerjasama dari ahli politik serta kurang sokongan dan keyakinan dari orang awam. Faktor dan cabaran ini perlu diambil kira oleh kerajaan serta agensi pencegahan rasuah dalam menganalisis kaedah pencegahan yang terbaik bagi mengurangkan aktiviti rasuah di Malaysia di samping meningkatkan keberkesanannya pencegahan. Kaedah pencegahan yang berkesan diyakini dapat dihasilkan sekiranya kerajaan serta agensi pencegahan rasuah menitikberatkan faktor berlakunya rasuah dan cabaran yang dihadapi dalam menanganinya di Malaysia.

PENGHARGAAN:

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), USIM yang membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Geran Penyelidikan USIM, bertajuk “Pendekatan Bersepadu Pencegahan Rasuah Berdasarkan Kerangka Syariah di Malaysia”; Kod Penyelidikan: PPPI/FSU/0122/USIM/15722. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

RUJUKAN:

- Akbar Satar. (2021). *Adakah Keputusan CPI 2020 Akan Menurun?*. https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=1522&cat=BKH.
- Akmal, N.S & Abu Bakar, M.Z. (t.t). Rasuah....? Katakan Tidak. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004) Universiti Utara Malaysia
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. (2022, April 26). Diakses dari <https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Akta%20694%20-%20Akta%20Suruhanjaya%20Pencegahan%20Rasuah%20Malaysia%20-SPRM-%202009.pdf>.
- Al-Amrani. (T.t). Kitab Bayan Fi Mazhab Imam Syafie. *Masalah Mengambil Rasuah Bagi Ali Embi, M., Abdul Aziz, A.R. (2007). Analisis kepercayaan rakyat Malaysia terhadap kerajaan. Journal of Ethics, Legal and Governance.* 3, 1-25
- Daud, E. (2019). Faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi niat individu untuk mengamalkan rasuah di kalangan penjawat awam pihak berkuasa tempatan. *Jurnal Kemanusiaan*, 7(2), 6-19. *Hakim*. Maktabah Syamilah.
- Harun, N. & Hasim, Zaidi. (2017). Rasuah dalam pentadbiran tanah: Penyelesaiannya menurut Islam. *Jurnal Islam dan Mayarakat Kontemporari*, 41.
- Institut Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. (2020). *Kursus Integriti Dan Rasuah*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Masyarakat.
- Jabatan Perdana Menteri. (2019). *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023*. Pusat Governanas, Integriti dan Antirasual Nasional.
- Madiha Abdullah. (2020). *Jenayah berteknologi tinggi cabaran dalam usaha perangi rasuah*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenayah-berteknologi-tinggi-cabaran-dalam-usaha-perangi-rasuah-264884>.
- Mahmood. Z. (1990). *Pencegahan Rasuah dari Pengalaman Badan Pencegah Rasuah*. Kertas kerja, Seminar Etika Pengurusan Amalan Masa Kini dan Arah Masa Depan.
- Husin, M.F. (2021). *Isu-isu integriti dan jenayah rasuah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penulis
- Mohammed Tarmize Abdul Manaf. (2014). *Nota Pencegahan Rasuah*. t.p: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Mohd Adnan, S.D, & Ismail.M.A. (2013). *Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi*.
- Mukhriz Mat Husin. (2022). *Terpaksa ambil rasuah akibat tekanan industri*. <https://www.sinarharian.com.my/article/183314/KHAS/Sinar-Rasuah-Buster/Terpaksa-ambil-rasuah-akibat-tekanan-industri>.
- Prosiding Perkem VIII, Jilid 1 (pp. 246-253).
- Quah, Jon S.T. (1999). Corruption in Asian countries: Can it be minimized? *Public Administration Review*. 59 (6).
- Rohaniza Idris. (2019). *Teknologi boleh membantu dan disalah guna dalam inisiatif antirasuah*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/525277/teknologi-boleh-membantu-dan-disalah-guna-dalam-inisiatif-antirasuah>.
- Saifullah Ahmad. (2021). *Dasar kerajaan beri ruang lakukan rasuah*. <https://www.sinarharian.com.my/article/125078/KHAS/Sinar-Rasuah-Buster/Dasar-kerajaan-beri-ruang-lakukan-rasuah>.
- Shofian, A. (2008). Jenayah Rasuah: Bentuk dan Hukum Menurut Islam. In Md.Nor & Siti Zalikhah, Jilid 4- Fiqh Jenayah (pp.63). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sofea Azahar. (2021). *Gaji tidak padan dengan kos sara hidup*. <https://www.sinarharian.com.my/article/130814/KHAS/Pendapat/Gaji-tidak-padan-dengan-kos-sara-hidup>.
- Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wartawan mediaisma. (2020). *Bimbang karier terjejas antara punca penjawat awam takut lapor rasuah*. <https://ismaweb.net/2020/12/09/bimbang-karier-terjejas-antara-punca-penjawat-awam-takut-lapor-rasuah/>.
- Zulkifli Hasan. (2021). *Membina masyarakat berminda benci rasuah*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2026968>.